



PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN MEMANAH KARNIVAL BAKAT PELAPIS NEGERI SIRI 1/2018 (LELAKI & WANITA)

1. PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang World Archery Federation (WA) dan Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, maka Undang-Undang (WA) yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-
 - 1.3.1 Sebarang kejadian akan diputus berasaskan kepada **PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN MEMANAH KARNIVAL BAKAT PELAPIS NEGERI SIRI 1/2018.**
 - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputus berasaskan kepada Undang-undang World Archery Federation (WA) dan Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia.
- 1.4 Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Memanah Karnival Bakat Pelapis Negeri Siri 1/2018 adalah muktamad.

2. TARIKH PERTANDINGAN

- | | | | |
|-----|------------------|---|---------------|
| 2.1 | Pendaftaran | - | 7 Mac 2018 |
| 2.2 | Hari 'Sighter's' | - | 7 Mac 2018 |
| 2.3 | Pertandingan | - | 8-10 Mac 2018 |

3. TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1. Venue pertandingan : Lapang Sasar Memanah, SMK Seri Pagi

4. PENYERTAAN

- 4.1 Semua Pusat Latihan Negeri (PLN) di bawah Program Pelapis Negeri dan Program Pusat Latihan Daerah (PLD) **DIWAJIBKAN** menyertai pertandingan ini.

- 4.2 Setiap pasukan boleh mendaftarkan tiga (3) pasukan lelaki dan tiga (3)

pasukan wanita bagi Kategori Umur 14-15 Tahun dan dua (2) pasukan lelaki dan dua (2) pasukan wanita bagi Kategori Umur 11-13 Tahun.

- 4.3 Setiap pasukan hanya boleh menyenaraikan 6 pegawai termasuk seorang pegawai pengiring atlet wanita.

	LELAKI	WANITA
Pengurus Pasukan	1 orang	1 orang
J urulatih	2 orang	2 orang
Atlet (umur 11-13 Tahun)	6 orang	6 orang
Atlet (umur 14-15 Tahun)	9 orang	9 orang
J umlah	18 orang	18 orang

5. KELAYAKAN PESERTA

5.1 KATEGORI UMUR 14-15 TAHUN

Lahir pada tahun 2004 & 2003 sahaja.

KATEGORI UMUR 11-13 TAHUN

Lahir pada tahun 2005, 2006 dan 2007 sahaja.

- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan Borang Pendaftaran Pasukan dan salinan kad pengenalan berserta gambar (di borang pendaftaran) kepada pihak Jawatankuasa Pengelola **sebelum** ----- **(15 hari sebelum pertandingan).**
- 5.3 Mana-mana atlet yang “PERNAH” menyertai Kejohanan Sirkuit Remaja Kebangsaan/Sirkuit Pelapis (tidak kira kategori), Kejohanan MSSM (tidak kira kategori), Kejohanan Kebangsaan yang diiktiraf oleh PSK (NAAM) dan setaraf dengannya (Kejohanan Terbuka dan Tertutup tidak diambil dikira) “TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI” untuk menyertai dalam pertandingan ini.
- 5.4 Jika penganjur mendapati terdapat peserta yang melanggar peraturan tersebut denda RM 100.00 ringgit akan dikenakan bagi seorang atlet dan satu pasukan (3 orang) dimana atlet didaftarkan akan dibatalkan penyertaan serta merta.

6. MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan pada 7 Mac 2018, jam 4.30 petang (1 hari sebelum pertandingan dijalankan) bertempat di Dewan SMK Seri Pagi, Seremban.
- 6.2 Bagi urusan pertukaran nama atlet, pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan Borang Pendaftaran Pasukan bersama Kad Pengenalan asal atau dokumen berkaitan asal untuk pengesahan mesyuarat. Hanya pertukaran nama atlet sahaja dibenarkan dan penambahan kepada bilangan atlet yang telah didaftarkan adalah tidak dibenarkan.
- 6.3 Senarai atlet yang disahkan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

7. ACARA/KATEGORI

- 7.1 Acara yang akan dipertandingkan ialah Double Distance dalam jangka masa empat (4) hari termasuk hari latihan rasmi (sighters day) yang diadakan satu (1) hari sebelum hari pertama pertandingan dijalankan.
- 7.2 Acara Recurve sahaja yang dipertandingkan melibatkan kategori-kategori seperti berikut :-
 - 7.2.1. Kategori Umur 14-15 (Lelaki) – Individu dan Berpasukan
 - i). Jarak 50 meter – 122 cm 10 Rings
 - 7.2.2. Kategori Umur 14-15 (Wanita) – Individu dan Berpasukan
 - i). Jarak 50 meter – 122 cm 10 Rings
 - 7.2.3. Kategori Umur 11-13 (Lelaki) – Individu dan Berpasukan
 - i). Jarak 30 meter – 122 cm 10 Rings
 - 7.2.4. Kategori Umur 11-13 (Wanita) – Individu dan Berpasukan
 - i). Jarak 30 meter – 122 cm 10 Rings

8. SISTEM PERTANDINGAN

- 8.1 Setiap atlet dikehendaki memanah dua (2) jarak bagi Kategori Umur 14-15 Tahun dan dua (2) jarak bagi Kategori Umur 11-13 Tahun yang dipertandingkan sebanyak tiga puluh enam (36) anak panah bagi setiap jarak yang berjumlah tujuh puluh dua (72) anak panah. Atlet dan pasukan yang mendapat markah tertinggi akan dikira pemenang.

9. PERALATAN PERTANDINGAN

- 9.1 Peralatan yang dibenarkan mengikut kategori:-

- 9.1.1. Kategori 14-15 Tahun : Jenis Limb dan Arrow adalah terbuka.
- 9.1.2 Kategori 11-13 Tahun : Jenis Limb Fibreglass@ Wood dan Arrow Aluminium sahaja dibenarkan.

10. MASA MELAPORKAN DIRI

- 10.1 Setiap pasukan dikehendaki melaporkan diri kepada Ketua Hakim (Chief of Judge) pertandingan untuk pemeriksaan peralatan pertandingan (Tackle Inspection) pada hari latihan rasmi atau sebelum mesyuarat pengurus pasukan.

11. LATIHAN RASMI DAN PEMERIKSAAN ALATAN

- 11.1 Pemeriksaan peralatan akan dijalankan semasa latihan rasmi.
- 11.2 Setiap atlet mesti memakai nombor memanah semasa latihan rasmi.

12. PEGAWAI TEKNIKAL

- 12.1 Pihak Jawatankuasa Pengelola Pertandingan (USPTN) akan melantik Ketua Delegat Teknikal, pegawai-pegawai Teknikal, Pengadil dan Juri Hakim setelah berunding dan mendapat persetujuan daripada Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia.
- 12.2 Pengadil-pengadil hendaklah menghadiri taklimat sebelum sesuatu pertandingan bermula.

13. BANTAHAN/TATATERTIB

- 13.1 Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus sahaja).
- 13.2 Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 13.3 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Ketua Delegat Teknikal dalam masa tiga puluh (30) minit selepas keputusan diumumkan.

14. JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB

- 14.1 Perlantikan Jawatankuasa Tatatertib dan prosedur aturcara mesyuarat adalah seperti yang digunakan oleh Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia yang terdiri :-
 - 14.1.1 Pengerusi Jawatankuasa Pengelola atau wakil
 - 14.1.2 Pengarah Pertandingan/Wakil.

14.1.3 Delegat Teknikal/Wakil

14.1.4 Tiga (3) orang Juri yang tidak terlibat dalam kes bantahan/tatatertib.

14.2 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.

14.3 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima laporan daripada Ketua Delegat Teknikal dan membuat keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil.

14.4 Segala keputusan yang di buat oleh Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib adalah muktamad.

15. GANTIRUGI

15.1 Majlis Sukan Negara dan Jawatankuasa Pengelola Pertandingan (USPTN) tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan alat pertandingan, kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana atlet dan pegawai semasa pertandingan ini berlangsung termasuk perjalanan dari rumah ke tempat pertandingan.

16. HADIAH-HADIAH

16.1 Pingat-pingat akan disediakan seperti berikut :-

Kategori Umur 14-15 Tahun (Lelaki)

Bil	Acara	Kategori Recurve		
		Emas	Perak	Gangsa
1.	QR - Jarak 50 m	1	1	1
2.	OR - Jarak 50 m	1	1	1
3.	QR - Berpasukan	1(3)	1(3)	1(3)
4	OR - Berpasukan	1(3)	1(3)	1(3)
JUMLAH		4 (8)	4 (8)	4 (8)

Kategori Umur 14-15 Tahun (Wanita)

Bil	Acara	Kategori Recurve		
		Emas	Perak	Gangsa
1.	QR - Jarak 50 m	1	1	1
2.	OR - Jarak 50 m	1	1	1
3.	QR - Berpasukan	1(3)	1(3)	1(3)
4.	OR - Berpasukan	1(3)	1(3)	1(3)
JUMLAH		4 (8)	4 (8)	4 (8)

Kategori Umur 11-13 Tahun (Lelaki)

Bil	Acara	Kategori Recurve		
		Emas	Perak	Gangsa
1.	QR - Jarak 30 m	1	1	1
2.	OR - Jarak 30 m	1	1	1
3.	QR - Berpasukan	1(3)	1(3)	1(3)
4.	OR - Berpasukan	1(3)	1(3)	1(3)
JUMLAH		4 (8)	4 (8)	4 (8)

Kategori Umur 11-13 Tahun (Wanita)

Bil	Acara	Kategori Recurve		
		Emas	Perak	Gangsa
1.	QR - Jarak 30 m	1	1	1
2.	OR - Jarak 30 m	1	1	1
3.	QR - Berpasukan	1(3)	1(3)	1(3)
4.	OR - Berpasukan	1(3)	1(3)	1(3)
JUMLAH		4 (8)	4 (8)	4 (8)

17. PERUNTUKAN MAJLIS

- 17.1 Segala pengurusan penginapan, pengangkutan dan makanan adalah dibawah tanggungjawab USPTN dan Majlis Sukan Negeri masing-masing.
- 17.2 Pihak Majlis hanya akan menyalurkan Geran Bantuan Penyertaan secara PUKAL melalui Majlis Sukan Negeri atau USPTN yang mana hanya melibatkan pasukan-pasukan sukan dibawah Pusat Latihan Negeri, Program Pelapis Negeri sahaja.
- 17.3. Segala perbelanjaan pasukan negeri-negeri (bukan dibawah Program Pelapis Negeri) atau kelab yang ingin menyertai Pertandingan ini adalah dibawah tanggungan pasukan masing-masing.

18. HAK JAWATANKUASA PENGANJUR

Jawatankuasa Penganjur adalah berhak untuk meminda/menambah peraturan-peraturan yang difikirkan perlu sebelum Mesyuarat Pengurus Pasukan diadakan dan peraturan yang telah dipersetujui di dalam mesyuarat adalah muktamad.

JADUAL PERTANDINGAN

KEJOHANAN KARNIVAL BAKAT PELAPIS NEGERI SIRI 1/2018

Tarikh	Masa	A cara	Kategori
	09.00-10.30 10.30-12.00 14.30-16.30	Pendaftaran Mesyuarat Pengurus Pasukan Latihan & Pemeriksaan Peralatan Latihan & Pemeriksaan Peralatan	Semua Kategori
	08.00-08.45 09.00-10.15 10.30-11.45 14.00 -14.45 15.00-16.15 16.30-17.45	Latihan Rasmi 1 st Set 50 meter round 2 nd Set 50 meter round Latihan Rasmi 1 st Set 30 meter round 2 nd Set 30 meter round	Recurve Lelaki/Wanita Kategori Umur 14-15 Recurve Lelaki/Wanita Kategori Umur 11-13
	08.00-08.30 08.30-09.00 09.00-09.30 09.30-10.00 10.00-10.30 10.30-11.00 11.00-11.30 11.30-12.00 12.00-14.00 14.00-14.30 14.30-15.00 15.00-15.30 15.30-16.00	Pusingan Olimpik Individu Latihan Rasmi 1/32 - Lelaki Kat I/Wanita Kat II - Set 1 1/32 - Lelaki Kat I/Wanita Kat II - Set 2 1/32 - Lelaki Kat II/Wanita Kat I - Set 1 1/32 - Lelaki Kat II/Wanita Kat I - Set 2 1/16 - Lelaki Kat I/Wanita Kat II 1/16 - Lelaki Kat II/Wanita Kat I 1/8 - Semua Kategori Rehat 1/4 - Semua Kategori 1/2 - Semua Kategori 3/4 - Semua Kategori Majlis Penyampaian Pingat QR Lelaki/Wanita – Umur 14-15 QR Lelaki/Wanita – Umur 11-13 QR Berpasukan Lelaki/Wanita	Semua Kategori
	08.00-08.30 08.30-09.00 09.00-09.30 09.30-10.00 10.00-10.30 10.30-11.00 11.00-11.30 11.30-12.00 14.30-15.00 15.00-15.30 16.00	Pusingan Olimpik Pasukan Latihan Rasmi 1/8 - Lelaki Kat I 1/8 - Wanita Kat II 1/8 - Wanita Kat I 1/8 - Lelaki Kat II 1/4 - Lelaki Kat I/Wanita Kat II 1/4 - Lelaki Kat II/Wanita Kat I 1/2 - Semua Kategori 2/2 - Semua Kategori Final - Semua Kategori Ind. & Team Majlis Penyampaian Pingat OR Ind & Pasukan (Lelaki&Wanita)	Semua Kategori